

RUJ. KAMI (OUR REF.) : UMP.02.01/10.12/2 JILID 4 (35)
RUJ. TUAN (YOUR REF.) :

2 Mac 2012

**Dekan/ Pengarah/ Ketua Jabatan
Ketua Timbalan Pendaftar/ Timbalan Pendaftar
Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang**

Tuan/Puan,

**EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 2 TAHUN 2012 :
TATALAKU DAN LARANGAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM**


Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian berhubung perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran UMP Bil. 2 Tahun 2012 mengenai Tatalaku Dan Larangan Dalam Perkhidmatan Awam untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,



(HARYANI BINTI ABDULLAH)
Timbalan Pendaftar
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
b.p Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang

s.k : YH Dato' Naib Canselor

PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 2 TAHUN 2012

TATAKELAKUAN DAN LARANGAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM

TUJUAN

1. Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk menarik perhatian warga Universiti Malaysia Pahang berhubung tatalaku yang perlu dikawal bagi mengelakkan penyelewengan dan menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan peribadi, menjaga tingkahlaku dan perbuatan bagi mengelakkan syak wasangka orang awam terhadap kejujuran dan kesungguhan dalam menjalankan tugas.

LATAR BELAKANG

2. Pihak Pengurusan Universiti amat memandang serius terhadap mana-mana tatalaku, tingkahlaku, perbuatan dan kelakuan yang tidak menjaga, memelihara dan mempertahankan kedaulatan dan maruah Negara, hormat dan patuh kepada undang-undang, tidak mengamalkan sikap berkecuali dalam menjalankan tugas, tidak memberi taat setia kepada kerajaan yang memerintah, memburuk-burukkan serta memperkecil-kecilkan dasar serta tindakan kerajaan.
3. Sehubungan itu adalah menjadi kewajipan seseorang pegawai universiti pada setiap masa hendaklah memberikan taat setianya yang tidak berbelah bahagi kepada Yang Di-Pertuan Agong, Negara, Kerajaan dan Universiti Malaysia Pahang dan mematuhi peruntukan Peraturan Tatatertib dibawah Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605).
4. Pelanggaran mana-mana peruntukan peraturan dalam Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605) ini oleh seseorang pegawai boleh menyebabkan pegawai dikenakan tindakan tatatertib.
5. Begitu juga menjadi tugas tiap-tiap pegawai untuk menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib keatas pegawai bawahannya dan mengambil tindakan yang

sesuai dengan seberapa segera yang mungkin bagi apa-apa pelanggaran mana-mana peruntukan peraturan ini.

6. Seseorang pegawai yang gagal untuk menjalankan kawalan dan pengawasan keatas pegawai bawahannya, atau untuk mengambil tindakan terhadap pegawai bawahannya yang melanggar mana-mana peraturan-peraturan ini hendaklah disifatkan cuai dalam melaksanakan tugasnya dan tidak bertanggungjawab dan dia boleh dikenakan tindakan tatatertib.

LARANGAN MEMBUAT PERNYATAAN AWAM

7. Bagi membangunkan modal insan kelas pertama dan memelihara imej Universiti Malaysia Pahang seseorang pegawai hendaklah memahami, menghayati dan membudayakan tatakelakuan yang murni, ikhlas, bersih dan cekap. Oleh itu, seseorang pegawai tidak boleh berkelakuan dengan apa-apa cara yang mungkin menyebabkan syak yang munasabah terlibat dalam membawa atau cuba membawa apa-apa bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan apa-apa tuntutan dengan membiarkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan tugas awamnya sehingga menjejaskan kebergunaannya sebagai seorang pegawai universiti atau menggunakan kedudukannya sebagai pegawai universiti atau menggunakan kedudukannya sebagai pegawai universiti bagi faedahnya sendiri.
8. Semasa memberi apa-apa syarahan atau ucapan awam atau dalam apa-apa penyiaran atau penerbitan, tanpa mengambil kira caranya, seseorang pegawai tidak boleh, sama ada secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh memberi implikasi memudaratkan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan universiti atau Kerajaan tentang apa-apa isu, memalukan atau memburukkan nama universiti atau Kerajaan dan menunjukkan kelemahan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan universiti atau Kerajaan.
9. Seseorang pegawai tidak boleh membuat pernyataan awam sama ada secara lisan atau bertulis atau apa-apa cara lain mengenai sebarang ulasan tentang kelebihan dasar, rancangan atau keputusan universiti atau Kerajaan, memberi apa-apa maklumat berdasarkan fakta berhubung dengan perjalanan fungsi universiti atau Kerajaan; memberikan apa-apa penjelasan berkenaan dengan apa-apa peristiwa

atau laporan yang melibatkan universiti atau Kerajaan, dan mengedarkan apa-apa pernyataan atau ulasan, sama ada yang dibuat olehnya atau mana-mana orang lain.

MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM POLITIK

10. Seseorang pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi atau Kumpulan Pengurusan dan Profesional tidak boleh mengambil bahagian aktif dalam aktiviti politik atau memakai apa-apa lambang sesuatu parti politik, dan khususnya, **tidak boleh**;
 - (i) Membuat apa-apa pernyataan awam, sama ada secara lisan atau bertulis, yang memberikan suatu pandangan yang berat sebelah tentang apa-apa perkara yang menjadi isu antara parti-parti politik;
 - (ii) Menerbitkan atau mengedar apa-apa bahan yang mengemukakan pandangannya yang berat sebelah atau pandangan orang lain, tentang apa-apa perkara yang berkaitan dengan mana-mana parti politik;
 - (iii) Terlibat dalam merayu undi bagi menyokong mana-mana calon dalam sesuatu pilihan raya bagi Dewan Rakyat atau bagi mana-mana Dewan Undangan Negeri atau apa-apa pemilihan untuk apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik;
 - (iv) Bertindak sebagai ejen pilihan raya atau ejen tempat mengundi atau apa-apa sifat untuk atau bagi pihak seseorang calon dalam sesuatu pilihan raya bagi Dewan Rakyat atau bagi mana-mana Dewan Undangan Negeri.

11. Seseorang pegawai dalam **Kumpulan Pelaksana** boleh, setelah mendapatkan **kelulusan bertulis Lembaga Pengarah Universiti**, dibenarkan bertanding atau memegang jawatan atau dilantik bagi memegang apa-apa jawatan atau dilantik bagi memegang apa-apa jawatan dalam sesuatu parti politik.

12. Seseorang pegawai yang telah dibenarkan bercuti hingga ke tarikh persaraannya bagi maksud menghabiskan cutinya yang terkumpul boleh mengambil bahagian dalam aktiviti politik jika;
 - (i) Seseorang pegawai itu telah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan bertulis Lembaga Pengarah Universiti untuk berbuat demikian tidak kurang tiga (3) bulan sebelum tarikh pegawai dibenarkan bercuti; dan

(ii) Dengan penglibatan sedemikian dia tidak melanggar peruntukan-peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972.

13. Walau bagaimanapun, Peraturan 20(5) Peraturan Tatakelakuan dibawah Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605) menjelaskan bahawa tiada apa-apa dalam peraturan ini yang boleh menghalang seseorang pegawai dari Kumpulan Pengurusan Tertinggi atau Kumpulan Pengurusan dan Profesional daripada menjadi anggota biasa mana-mana parti politik.

PEMATUHAN DAN PENGHAYATAN TATAKELAKUAN

14. Sistem pengawalan disiplin dalam bentuk pembedahan dan penghukuman beserta dengan langkah-langkah peningkatan disiplin memerlukan komitmen dan kesungguhan semua pihak yang berkenaan bagi melaksanakannya supaya tahap keberkesanan yang maksimum dapat dicapai serta mewujudkan perkhidmatan awam yang 'Bersih, Cekap dan Amanah'.

TARIKH KUATKUASA

15. Pekeliling Pentadbiran ini berkuatkuasa serta merta.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan tugas,


(HAJI MUSTAFA BIN IBRAHIM)
PENDAFTAR

Tarikh : 01 Mac 2012

Edaran Kepada.:

Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti)

Bendahari

Ketua Pustakawan

Semua Dekan/Pengarah / Ketua Jabatan

Salinan kepada.:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Sbi/Pkh/c/pekeliling/PP2_2012